

5-repo

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: <u>24/4/2010</u>
Hari: <u>8/4/10</u> M/S: <u>33</u>
Ruangan: <u>RENCANA</u>

UUM/AA80/BH/24.4.2010/P:33(1-2)

**Kaum Cina perlu ingat jasa
BN sejak zaman Tun Razak**

Md. Shukri Shuib



PENDUDUK Hulu Selangor perlu berfikir secara mendalam dan rasional sebelum mengundi pada pilihan raya kecil esok. Keputusan itu amat penting dan boleh dijadikan ukuran atau penilaian rakyat terhadap kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Seperti kata Tun Dr Mahathir Mohamad ketika berkempen di Serendah malam kelmarin, rakyat perlu mengundi Barisan Nasional (BN) kerana terbukti BN mampu membawa pembangunan dan perubahan di kawasan mereka dan seterusnya memantapkan lagi taraf hidup rakyat di Hulu Selangor.

Hakikatnya, pembangunan dilaksanakan kerajaan menerusi konsep perkongsian kuasa sedia ada, secara legasinya bermula sejak pentadbiran Perikatan (kini BN) pada era Tunku Abdul Rahman.

Kini, ia diteruskan oleh Najib sebagai legasi yang tidak pernah diabaikan iaitu perjuangan membasmi kemiskinan dan seterusnya menyusun semula masyarakat Malaysia supaya tidak terjerat dengan dilema perkauman.

Dalam konteks ini, setiap tema pembangunan serta peruntukan dan dasar perekonomian negara dirangsang ke arah usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Inilah sebenarnya dua teras utama dalam garis panduan kepemimpinan kerajaan menerusi BN yang tidak pernah terabai difikir dan dilaksanakan.

Hari ini usaha itu dilipat gandakan lagi oleh Najib yang secara warisannya adalah anak 'bapa pembangunan' negara - Tun Abdul Razak Hussein yang proaktif dalam merancakkan fasa pembangunan negara pasca merdeka.

Pelbagai pembangunan asas negara secara sejarahnya diasaskan ketika era Tun Razak dan dimodenkan pula pada era kepimpinan Dr Mahathir. Dalam sejarah membangunkan Malaysia, sebagai rakyat kita harus melihat semula data yang menunjukkan betapa BN yang memimpin kerajaan begitu komited memperjuangkan dan berjihad membasmi kemiskinan, tanpa mengira kaum.

Dalam semua dasar dilaksanakan, tiada satu kaum dinafikan hak dan peluang ekonomi serta nikmat pembangunan. Data memaparkan pada 1957 negara mempunyai lebih 6.5 juta penduduk tetapi 73.4 peratus tinggal di luar bandar.

Inilah peninggalan British iaitu membiarkan negara kita untuk diurus tadbir rakyatnya yang merdeka dengan 'wasiat' dan legasi kemiskinan, dan hampir tiga perempat penduduk di negara ini jauh daripada kemudahan moden.

Bahkan rekod menunjukkan ketika merdeka, lebih 60.2 peratus umat Melayu tinggal di desa serta pedalaman dan ini jauh lebih ramai berbanding hanya 28 peratus populasi kaum Cina dan 10.5 peratus masyarakat India di negara ini tinggal di luar bandar pada awal kemerdekaan negara.

Rekod juga menunjukkan kemudahan kepada kaum Cina lebih terurus serta terjamin kesejahteraannya dan lebih 86

peratus daripada sejumlah 550,000 orang terpilih menyertai Rancangan Briggs, diberikan kemudahan penempatan tersusun yang jauh lebih moden dan berprasarana terkini ketika itu.

Walaupun ada segelintir ekstremis perkauman menyatakan konsep kampung baru seolah kem tahanan, ia adalah kawasan selamat ketika itu daripada ancaman subversif komunis. Bahkan pasukan keselamatan juga dipertanggungjawabkan untuk memelihara keamanan lebih setengah juta kaum Cina yang hidup di kampung baru.

Dengan kemudahan di 445 kampung baru yang diwujudkan British pada Zaman Darurat, maka yang ketinggalan dari segi perancangan urbanisasi ialah penduduk Melayu yang kekal daif di luar bandar. Kini nilai tanah kampung itu yang rata-ratanya sudah menjadi bandar begitu berharga.

Adakah ini bukan nikmat yang patut dikedang oleh kaum Cina yang mendapat bukan saja penempatan malah dijamin pula selamat di negara yang asing bagi mereka ketika itu? Untuk itulah, dalam konteks Malaysia, negara ini adalah tanggungjawab bersama dan Kerajaan Persekutuan menerusi BN menunjukkan betapa toleransinya kepimpinan negara mendepani setiap cabaran.

Bahkan dalam tema pembangunan negara, segenap aspek pembangunan turut mengambil kira manfaatnya kepada semua kaum agar tiada satu pun yang ter-cicir. Jika sejarah menunjukkan wujudnya polarisasi perbezaan kemajuan yang ketara antara kaum, maka sejak 1960 dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Luar Bandar diketuai Tun Razak selaku menterinya, maka tiga asas utama pembangunan ditetapkan.

Ia merangkumi aspek pembangunan infrastruktur, pembukaan tanah baru yang lebih terancang serta memajukan segmen pertanian dan kepelbagaian jenis tanaman. Langkah Tun Razak ini jelas memberikan impak baru kepada umat Islam yang rata-ratanya mendiami luar bandar.

Rancaknya pemikiran Tun Razak membangunkan umat Malaysia dengan tema pembangunan komprehensif jelas terpancip kesannya. Pelbagai institusi tersusun seperti Felda, Felcra, Fama, Bank Pertanian serta Mara dan pelbagai lagi agensi dijanakan. Agensi ini berjaya membuktikan bahawa pengurusan negara mampu mencapai tahap membanggakan.

Lihat saja Felda yang kini nikmatnya dirasai 112,635 peneroka serta dengan nikmat Felda saja, lebih 1.5 juta rakyat negara ini adalah anak kelahiran generasi baru Felda yang turut merasai kesan daripada dasar pembangunan Tun Razak.

Bahkan sejak April 2009 Felda diletakkan secara langsung di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang mendapat perhatian terus Najib selaku Perdana Menteri dan anak bekas Perdana Menteri yang membangunkan Felda.

Harapnya Hulu Selangor tidak melutut kepada fitnah dan promosi negatif mengenai kepemimpinan negara, tetapi adalah baik jika rakyat di kawasan itu seiringan seperti di Bagan Pinang dalam memberikan imej positif dunia kepada keyakinan rakyat terhadap BN yang dipimpin pelbagai kaum dengan Najib sebagai ketuanya.

Penulis ialah pensyarah politik ekonomi di Universiti Utara Malaysia